



**PEJABAT DAERAH BARAT DAYA
11000 BALIK PULAU
PULAU PINANG**

Tel : 04-8691104 Faks : 04-8661593

Ruj. Kami : PDBD/PRP/145-14/12 UPEN

Tarikh : 05 Jun 2012

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas 'F' di bawah tajuk / kepala **Kepala I Sub Kepala 1 & Kepala II Sub Kepala 8(b)** untuk menyertai sebutharga bagi kerja-kerja berikut:-

SEBUTHARGA NO.: 05/2012
NAMA PROJEK : PROGRAM BANTUAN RUMAH RAKYAT MISKIN
(KERJA-KERJA MEMBINA BARU RUMAH
ENCIK ABU BAKAR BIN BIDIN)

2. Hanya Kontraktor yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan (Sistem Tender dan Sebutharga Online)** Negeri Pulau Pinang serta memiliki Sijil PKK dan CIDB yang terkini sahaja boleh menyertai sebutharga.
3. Kontraktor yang ingin menyertai sebutharga diminta berkumpul **berhampiran Gerai JKKK Permatang Damar Laut** pada tarikh **12 Jun 2012 (Selasa) jam 11.30 Pagi** untuk sesi taklimat. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi di laman web e-perolehan dengan harga RM10.00. Bayaran boleh dibuat secara kad kredit atau CIMB clicks.
4. Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang melawat tapak sahaja. Wakil Kontraktor adalah **tidak dibenarkan**. Kontraktor yang menyertai lawatan tapak hendaklah membawa **salinan asal sijil PKK, Sijil CIDB dan Resit Pendaftaran e-Perolehan yang terkini**. Kontraktor yang gagal mematuhi syarat di atas **tidak akan dibenarkan** menyertai lawatan tapak dan memasuki sebutharga.
5. Sebutharga yang lengkap beserta salinan **Sijil PKK, Salinan Sijil CIDB, Resit pembelian sebutharga dan Penyata Bank Terkini** hendaklah dimasukkan dalam peti sebutharga di Bahagian Pembangunan PDBD selewat-lewatnya pada **18 Jun 2012 (Isnin) sebelum jam 12.00 tengahari**.

(MOHD ZAKI BIN ABDUL RAHMAN)

Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan).
b.p Pegawai Daerah
Daerah Barat Daya,
PULAU PINANG